

KOLABORASI GURU PENDIDIKAN KHAS DAN INDUSTRI DALAM MENJALANKAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA MURID BERKEPERLUAN KHAS

Mohd Zulkarnain Abdul Wahab^a, Aliza Alias^b

^aSEAMEO Regional Center for Special Education (SEAMEO SEN)

^bUniversiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

e-mail : zulkarnainwahab@gmail.com

Abstrak : Program Transisi Kerjaya bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) merupakan satu langkah yang penting dalam menentukan kebolehpasaran dan penerimaan majikan. Guru pendidikan khas sebagai pelaksana perlu mempunyai pengetahuan dan bersedia melaksanakan program berikut sehingga ke peringkat industri. Responden kajian terdiri daripada guru pendidikan khas seramai 64 orang dari enam buah sekolah yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Negeri Johor. Data diperolehi melalui soal selidik yang menggunakan skala likert 1 hingga 5 dengan kaedah persampelan berkelompok. Item soal selidik terbahagi kepada tiga aspek iaitu pengetahuan dan kesediaan guru; kolaborasi dengan industri; dan persepsi guru dalam meningkatkan keberkesanan Program Transisi Kerjaya. Kaedah kuantitatif dikriptif digunakan untuk menganalisis data secara kekerapan dan peratusan. Dapatan menunjukkan 93.7% guru pendidikan khas berpendapat Program Transisi Kerjaya akan lebih bermakna jika industri menyatakan keperluan yang dingini dalam mengambil MBK berkerja. Sejumlah 93.8% guru pendidikan khas juga mahukan industri membuka peluang bagi MBK menjalankan transisi di tempat mereka. Dapatan juga menggambarkan bahawa terdapat jurang dalam kemahiran berkaitan industri yang mana 31.3% guru pendidikan khas hanya menggunakan pengetahuan yang sedia ada dalam menjalankan Program Transisi Kerjaya. Ini berkemungkinan disebabkan kerana 31.2% daripada guru pendidikan khas menjalankan transisi bersendirian tanpa penglibatan industri. Sebagai meningkatkan keberkesanan Program Transisi Kerjaya, dua pihak utama iaitu guru dan industri perlu memainkan peranan terutamanya mengadakan kolaborasi yang memerlukan mereka bersama dalam mencadang, membuat keputusan dan melaksanakan peranan masing-masing.

Kata Kunci: Program Transisi Kerjaya, Kolaborasi Guru Pendidikan Khas, Guru dan Industri

PENGENALAN

Program Transisi Kerjaya telah lama dipertuturkan sebagai satu langkah dalam menyediakan Murid Berkeperluan Khas (MBK) untuk melangkah ke alam kerjaya. Walaupun terdapat sekolah dan MBK yang berjaya dalam pelaksanaan transisi kerjaya, namun majoriti MBK di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Malaysia tidak berpeluang untuk mengikuti program transisi ini. MBK umumnya cenderung menghadapi kesukaran untuk cemerlang dalam akademik dan seterusnya berhadapan dengan cabaran melangkah ke dunia realiti selepas persekolahan. Oleh itu, dalam usaha membantu mereka dapat berdikari selepas persekolahan dan diterima masyarakat adalah melalui

Program Transisi Kerjaya. Program Transisi Kerjaya merupakan satu proses yang kompleks dan kejayaannya memerlukan koordinasi serta komunikasi pelbagai pihak termasuk guru-guru, keluarga serta industri (Sorrells, Schaller, Kueifen & Nancy, 2004). Simches (1975) menyatakan jika seseorang calon yang tidak mempunyai latihan tertentu mereka bakal sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan MBK pula menghadapi kesukaran berganda dan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan yang terhad.

Menurut Mohd Yusof, Mohd Yasin, Bari, Mohd Zain, Karli dan Hassan (2014), konsep transisi pertama kali diperkenalkan oleh Madeline Will daripada Pejabat Pemulihan dan Pendidikan Khas Persekutuan (OSERS). OSERS memberi penekanan tentang keperluan MBK dengan mendorong mereka melakukan

perubahan daripada kehidupan di sekolah kepada komuniti sama ada melanjutkan pelajaran atau bekerja. Fokus terhadap Program Transisi Kerjaya telah mula mendapat perhatian terutamanya di Amerika Syarikat setelah pengenalan *Individual with Disabilities Education Improvement Act, 2004* (IDEIA, 2004) iaitu satu undang-undang yang digubal untuk melihat dan menjaga kesejahteraan MBK khususnya dalam transisi ke pekerjaan. IDEIA 2004 mendefinikan transisi sebagai satu set aktiviti berorientasikan hasil yang dikoordinasi bagi MBK mencapai kemajuan, yang seterusnya membantu transisi dari sekolah ke alam selepas persekolahan, termasuklah transisi pekerjaan. IDEIA 2004 menetapkan setiap MBK perlu mempunyai Rancangan Pengajaran Individu (RPI) yang khusus kepada kemampuan dan minat mereka. Ini kerana MBK berhadapan pelbagai cabaran untuk berjaya selepas persekolahan yang kebanyakannya menghalang mereka mendapatkan pekerjaan atau melanjutkan pendidikan.

Murid Berkeperluan Khas

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), Warta Kerajaan Persekutuan di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di Malaysia, MBK bermaksud murid yang telah diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi daripada perkhidmatan kerajaan ataupun bukan kerajaan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran, atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan seperti dinyatakan di atas.

Guru Pendidikan Khas

Di Malaysia, program transisi dilaksanakan oleh guru pendidikan khas (Alias, 2014). Peranan guru pendidikan khas dalam menjayakan program transisi sangat penting dan mereka juga adalah sumber ilmu termasuk agen penggerak kepada MBK. Guru pendidikan khas


dikenali dengan peranan dan motivasi mereka dalam membimbing MBK (Wang & Mu, 2014).

Menurut Yaeda dan Jindal-Snape (2011), di Jepun, ramai guru di sekolah pendidikan khas membantu murid mereka untuk mendapatkan pekerjaan selepas waktu persekolahan sehinggakan terpaksa bekerja lebih masa. Sehinggakan, usaha mereka ini menunjukkan kejayaan mencapai 80% kebolehpasaran untuk MBK mereka. Ini jelas menunjukkan setiap peranan dan usaha guru dapat memberi kesan kepada perkembangan seterusnya kebolehpasaran MBK.

Pendidikan khas di Malaysia

Di Malaysia, terdapat tiga jenis program Pendidikan Khas yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi MBK yang berfungsi tinggi, mereka akan diletakkan di dalam program inklusif bersama murid aliran perdana dan mempelajari kurikulum standard KSSR dan KSSM (Pekeliling Ikhtisas, 2016). Terdapat juga Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) yang menjalankan pendidikan bagi MBK masalah pendengaran dan masalah penglihatan. Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) pula disediakan oleh KPM dalam membantu MBK menghadapi cabaran dalam pembelajaran sehinggalah memasuki alam pekerjaan (Nasri, Hamzah & Udin, 2010). PPKI mengamalkan model percantuman/integrasi persekitaran pembelajaran di antara murid aliran perdana dan MBK. Sejumlah 57,184 MBK bermula pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah sedang mengikuti PPKI sehingga 31 Januari 2016 (Educational Data Sector, 2016). PPKI adalah sebuah program pendidikan khas yang ditempatkan di dalam sebuah sekolah aliran perdana tetapi belajar di kelas yang berasingan (Rajah 1).

Rajah 1. Program PPKI dan Inklusif



Program PPKI antaranya bertujuan untuk membantu MBK meningkatkan kemahiran sosial apabila bergaul dengan murid aliran perdana. Inklusif pula adalah meletakkan sekurangnya seorang MBK di dalam kelas aliran perdana bersesuaian dengan kemampuan MBK tersebut. KPM sebagai langkah untuk menyediakan pendidikan kepada MBK telah menyediakan kelas pendidikan khas bermula seawal peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Ini juga bermaksud MBK boleh memulakan pendidikan seawal umur 6 tahun sehingga umur 17 atau 19 tahun sebelum mereka meninggalkan alam persekolahan. Tempoh masa tersebut diharap dapat dimanfaatkan oleh sekolah dan guru pendidikan khas dalam mempersiapkan MBK melalui Program Transisi Kerjaya bagi menempuhi alam dewasa dan pekerjaan. PPKI disediakan oleh KPM dilihat telah berjaya dalam membantu MBK menghadapi cabaran dalam pembelajaran sehinggalah memasuki alam pekerjaan (Nasri et. al., 2010).

Program Transisi Kerjaya Murid Berkeperluan Khas

Proses transisi daripada remaja kepada dewasa adalah satu tempoh yang sukar kepada seseorang. Banyak program transisi berlaku dalam kehidupan tetapi yang paling sukar adalah transisi kepada alam dewasa (Heslop, Mallett, Simons & Ward, 2002). Menurut beberapa journal yang dikaji, program transisi kerjaya membawa maksud proses peralihan seseorang Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari sekolah ke alam pekerjaan (Alias, 2013; Pandey & Agarwal, 2013; Barnett & Crippen, 2014; Alnahdi, 2014). Williams-Diehm dan Lynch, (2007) berpendapat transisi mengikut konteks MBK adalah satu gabungan aktiviti, melalui hasil dapatan daripada orientasi yang membentuk pergerakan sekolah ke aktiviti

selepas tamat sekolah termasuk pendidikan selepas menengah, latihan vokasional, integrasi pekerjaan secara berterusan, pendidikan dan perkhidmatan berterusan, hidup berdikari serta penglibatan komuniti. Ini bermaksud Program Transisi Kerjaya merupakan gabungan aktiviti berdasarkan keperluan MBK secara individu dengan mengambil kira pilihan dan minat MBK serta mengikut pasaran kerja.

Pendidikan ke arah kerjaya penting sebagai persediaan awal MBK dalam menghadapi kehidupan berkerjaya selepas persekolahan bagi perkembangan kemahiran berdikari dalam komuniti. Mohd Yusof et. al. (2014) juga berpendapat program persediaan seperti transisi turut membantu MBK meneroka pelbagai peluang pekerjaan, malah membolehkan murid mengenal pasti minat, kebolehan dan potensi untuk membuat keputusan. Ini termasuklah pengalaman bersama komuniti, perkembangan pekerjaan dan pelbagai objektif kehidupan alam dewasa selepas tamat persekolahan. Kaedah ini membantu masa depan MBK dengan mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan mereka. Menurut Alias (2014), pada kebiasaannya, guru pendidikan khas akan memilih Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang mempunyai potensi untuk dilatih dalam program transisi. Setiap tahun, ribuan MBK menamatkan persekolahan dan terpaksa menjalani kehidupan berdikari dan menerima hakikat tidak ditawarkan pekerjaan. Alias (2014) menyatakan bahawa transisi sekolah ke kerjaya merupakan peluang bagi MBK untuk mendapat pengalaman bekerja. Program Transisi Kerjaya telah dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia yang mempunyai program pendidikan khas khususnya Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atas usaha guru.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) mengakui kepentingan menyediakan pendidikan yang sesuai untuk MBK kerana sebahagian besar daripada mereka lebih sesuai menggunakan kurikulum vokasional bagi menyediakan mereka dengan kemahiran berbanding kurikulum akademik sedia ada. Ini bermaksud, kumpulan MBK yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, tetapi tidak mempunyai halangan dalam keupayaan fizikal boleh dilatih melalui pendidikan vokasional supaya dapat diserapkan dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu selepas tamat persekolahan (Daros, Nordin & Saud, 2012). Kepentingan pendidikan vokasional kepada MBK tidak boleh diketepikan dalam membantu menyediakan mereka dalam melangkah ke dunia pekerjaan setelah tamat persekolahan (Daros et. al. 2012; Jones & Williams, 2011; Worrell & Taber, 2009). Walaubagaimanapun di Malaysia, Bari, Mohd Yasin & Yusuf (2013) berpendapat pelaksanaan kurikulum melalui Program Transisi Kerjaya untuk MBK masih kurang jelas.

Menurut Mohd Nassir (2015), kebanyakan sekolah yang menjalankan PPKI memulakan program transisi berasaskan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup seperti program cuci kereta, kraftangan, perkebunan, rumah hijau, asas refleksiologi, andaman dan solekan, masakan, jahitan dan penternakan. Seterusnya, apabila sekolah melihat banyak perkembangan positif dalam kehidupan MBK, sekolah meneruskan langkah dengan menjalankan program transisi bagi membantu masa depan kerjaya murid melalui kolaborasi bersama pihak industri.

Tidak dinafikan bahawa hanya segelintir Program Transisi Kerjaya yang boleh dibanggakan. Ini adalah kerana tidak mudah untuk menyediakan satu Program Transisi Kerjaya kerana terdapat pelbagai cabaran dan halangan termasuk faktor kesediaan guru dan murid, termasuk sokongan persekitaran industri dan komuniti.

Kolaborasi dalam transisi

Kebanyakan guru pendidikan khas mengakui mereka menjalankan kerjasama bersama agensi luar seperti sekolah di negeri lain, kolej komuniti, universiti dan industri tetapi hakikatnya keputusan dan pelaksanaan adalah ditetapkan oleh satu pihak kebiasaannya penganjur atau pihak yang mengeluarkan

kewangan. Kolaborasi tidak hanya membawa maksud kerjasama tetapi satu proses yang dilakukan bersama dalam mencapai satu matlamat yang sama (Friend & Cook, 2010). Dalam kolaborasi, setiap pihak perlu memainkan peranan dalam mencadang, membuat keputusan dan bersama dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian

Abdul Wahab, Alias, & Yamat (2017) menyentuh Laporan World Report on Disability 2011 yang menyatakan seramai 15% populasi dunia adalah terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU). Memetik sidang media, YAB Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dianggarkan terdapat sekitar 4.5 juta OKU di Malaysia berdasarkan populasi Malaysia iaitu 30.1 juta penduduk, yang turut membimbangkan masih ada OKU yang tidak tampil mendaftar dan rekod sedia ada masih rendah (Bernama, 2015). Meskipun begitu, hakikat jumlah yang direkodkan besar jumlahnya dan membuktikan golongan OKU bukanlah minoriti yang kecil dan perlu diberi perhatian dan peluang yang sama rata. Di peringkat antarabangsa, golongan ini dibela melalui *Convention on the Right of Persons with Disabilities* (CRPD). Malaysia melalui Akta OKU 2008 mentakrifkan mereka sebagai individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Di Malaysia, setiap individu adalah sama di sisi undang-undang dan mendapat perlindungan yang sama rata dan dinyatakan dalam Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Abdul Wahab et al., 2017). Walaupun telah termaktub sedemikian, golongan ini masih tidak mendapatkan peluang yang sama rata dalam mendapatkan pekerjaan.

Malaysia dalam menuju ke arah negara maju telah berjaya mencipta pelbagai ruang dan peluang kepada perniagaan dan ekonomi yang secara tidak langsung telah menyumbang kepada kewujudan peluang pekerjaan kepada rakyatnya. Meskipun demikian, setiap pekerjaan yang ada telah digariskan kriteria calon-calon pilihan untuk dipenuhi. Setiap tahun, ribuan MBK menamatkan persekolahan dan terpaksa menjalani kehidupan bersendirian dan

menerima hakikat tidak ditawarkan pekerjaan. Alias (2014) menyatakan bahawa transisi sekolah ke kerjaya merupakan peluang bagi MBK untuk mendapat pengalaman bekerja. Kesukaran golongan berkeperluan khas untuk mendapatkan pekerjaan merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian serius (Abdullah & Mohd Yasin, 2015). Ini adalah kerana peluang pekerjaan tidak terjamin untuk MBK walaupun mereka diberi peluang pendidikan yang sama (Nasri et al., 2010). Ini menyukarkan OKU mendapat pekerjaan (Vanitha & Ramaa, 2013; Migliore & Domin, 2011; Hendricks, 2009; Pandey & Agarwal, 2013). Pekerjaan yang dipertimbangkan kepada OKU adalah sangat terhad dan kebanyakkan tertumpu di Pemulihan Dalam Komuniti (Yeo, G., 2006). Curry & Jones (2014) menyatakan kajian perpustakaan berkenaan kriteria sesuatu transisi telah dibincangkan lebih tiga dekad.

Kajian ini bertujuan membincangkan dapatan maklumat daripada guru pendidikan khas, berkenaan pandangan mereka dalam menjalankan kolaborasi bersama industri dalam menjalankan Program Transisi Kerjaya. Kajian

ini diharap akan menjadi rujukan bagi membantu guru pendidikan khas yang ingin menjalankan program transisi kerjaya yang lebih berkesan ke atas MBK bagi menyediakan mereka untuk pasaran kerja.


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik berskala likert 1 hingga 5. Responden terdiri daripada 64 guru pendidikan khas dari enam buah sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integarasi (PPKI) di Negeri Johor. Borang soal selidik diedarkan menggunakan kaedah persempelan berkelompok.


DAPATAN

Rajah 2 di bawah menerangkan bahawa 60.94% responden terdiri daripada guru yang mempunyai kelayakan Sarjana Muda. Manakala melalui Rajah 3, dapat dilihat seramai 31 responden atau 48.4% mempunyai pengalaman di antara 6 hingga 10 tahun dalam mengajar MBK.

Rajah 2: Kelayakan Ikhtisas



Rajah 3: Tempoh Terlibat Dengan Pengajaran MBK



Jadual 1 di bawah menunjukkan demografi responden yang telah dipersembahkan menggunakan frekuensi dan peratusan bagi memudahkan pemahaman.

Jadual 1: Demografi Responden

Soalan	Pilihan Jawapan	Dapatan	
		Frekuensi	Peratusan
Umur	18 – 29 Tahun	5	7.8%
	30 – 39 Tahun	43	67.2%
	40 – 49 Tahun	10	15.6%
	50 Tahun ke atas	6	9.4%
Pernah menjalani Latihan transisi	Ya	37	57.8%
	Tidak	27	42.2%
Kategori MBK yang diajar	Masalah Pembelajaran	36	56.3%
	Masalah Pendengaran	12	18.8%
	Masalah Penglihatan	1	1.6%
	Masalah Pembelajaran & Masalah Pendengaran	9	14.1%
	Masalah Pembelajaran & Masalah Fizikal	4	6.3%
	Masalah Pembelajaran, Masalah Pendengaran & Maslah Fizikal	1	1.6%
	Semua	1	1.6%
Tahap sekolah	Sekolah Rendah	11	17.2%
	Sekolah Menengah	53	82.2%

Responden turut diberikan 10 soalan berkaitan kerjasama Guru Pendidikan Khas dengan Syarikat/Industri.

Jadual 2: Kerjasama Guru Pendidikan Khas Dengan Syarikat/Industri

Soalan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Saya mengadakan perbincangan dengan syarikat/industri untuk membantu murid berkeperluan khas menjalankan Program Transisi Kerjaya	(3)	4.7%	(7)	10.9%	(10)	15.6%	(38)	59.4%	(6)	9.4%
Saya berasa gembira dengan kehadiran syarikat/industri di dalam kelas saya untuk membantu Program Transisi Kerjaya	(2)	3.1%	(3)	4.7%	(9)	14.1%	(39)	60.9%	(11)	17.2%
Saya bersedia memberikan kerjasama kepada bakal majikan apabila diperlukan	(1)	1.6%	(3)	4.7%	(9)	14.1%	(40)	62.5%	(11)	17.2%
Saya memainkan peranan aktif dalam komunikasi bersama syarikat/industri	(2)	3.1%	(6)	9.4%	(7)	10.9%	(41)	64.1%	(8)	12.5%
Saya merasakan lebih yakin dengan kehadiran syarikat/industri di sekolah	(2)	3.1%	(4)	6.3%	(7)	10.9%	(41)	64.1%	(10)	15.6%
Saya mengetahui keperluan kemahiran yang diperlukan syarikat/industri	(1)	1.6%	(5)	7.8%	(14)	21.9%	(38)	59.4%	(6)	9.4%

Syarikat/Industri perlu memainkan peranan yang aktif dalam Program Transisi Kerjaya	(1)	1.6%	(1)	1.6%	(6)	9.4%	(33)	51.6%	(23)	35.9%
Kolaborasi dalam Program Transisi Kerjaya akan lebih bermanfaat jika syarikat/industri menyatakan keperluan mereka	(1)	1.6%	-	-	(3)	4.7%	(37)	57.8%	(23)	35.9%
Syarikat/Industri perlu membuka peluang bagi murid berkeperluan khas menjalankan Program Transisi Kerjaya di tempat mereka	-	-	-	-	(4)	6.3%	(32)	50%	(28)	43.8%
Industri perlu menyediakan persekitaran yang kondusif kepada murid berkeperluan khas semasa menjalankan Program Transisi Kerjaya	-	-	-	-	(4)	6.3%	(32)	50%	(28)	43.8%

Melalui Jadual 2, sejumlah 93.7% responden berpendapat bahawa kolaborasi dalam Program Transisi Kerjaya akan lebih bermakna jika syarikat/industri menyatakan keperluan mereka. 93.8% responden juga bersetuju bahawa syarikat/industri perlu membuka peluang bagi MBK menjalankan Program Transisi Kerjaya di tempat mereka termasuk menyediakan persekitaran yang kondusif kepada MBK.

Walaupun kebanyakan responden bersetuju bahawa kebanyakan mereka telah mengadakan perhubungan dengan syarikat/industri bagi membantu mendapatkan kemahiran/pekerjaan bagi MBK jagaan mereka, masih terdapat 31.2% yang belum berbuat demikian. Sejumlah 31.3% responden pula menyatakan bahawa mereka masih kurang tahu dengan keperluan kemahiran yang diperlukan syarikat/industri.

PERBINCANGAN

Memandangkan soal selidik diedarkan kepada hanya guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), dapatan yang dipersembahkan lebih menggambarkan keadaan di program tersebut dan tidak semestinya mewakili program pendidikan khas lain di Malaysia.

Dapatan di atas menyatakan bahawa guru pendidikan khas sememangnya di atas usaha sendiri atau bantuan sekolah/agensi telah mula mengadakan hubungan dengan syarikat/industri bagi membantu mendapatkan kemahiran dan pekerjaan bagi MBK mereka. Ini selaras dengan dapatan Mohd Nassir (2015) yang menyatakan bahawa pihak sekolah dan guru sentiasa akan

cuba mencari peluang untuk menketengahkan murid mereka kepada peluang dalam industri.

Di Malaysia, pelaksanaan program transisi kerjaya masih kurang jelas, tidak dapat dipastikan wujud peraturan yang memerlukan program transisi dilaksanakan untuk MBK di sekolah. Pelaksanaan transisi di sekolah hanya dijalankan atas inisiatif guru atau penyelar. Kebanyakan program transisi dijalankan tanpa perancangan sempurna dan tidak seragam. Dalam konteks ini Zhang (2015) berpendapat guru pendidikan khas mempunyai potensi untuk meningkatkan kebolehpasaran MBK apabila mereka terlibat secara langsung membina kemahiran komunikasi MBK. Ini menunjukkan latar belakang guru juga mempunyai kesan langsung dalam sesuatu kejayaan program transisi. Latar belakang guru juga dilihat memainkan peranan, Zhang (2015) dalam kajiannya mendapati guru pendidikan khas yang tidak mendapat latihan khusus lebih kecenderungan memberi fokus kepada akademik berbanding guru yang mendapat latihan khas pendidikan khas. Alias (2013) menyatakan bahawa tidak mudah bagi guru untuk mencari majikan yang boleh menerima MBK yang telah dilatih dalam program transisi bagi menjalankan latihan di premis mereka, tetapi dengan kesungguhan guru dalam membuktikan kemampuan MBK bekerja, majikan akhirnya bersetuju.

Dapatan juga menunjukkan bahawa guru berpendapat sesuatu Program Transisi Kerjaya akan lebih bermakna jika industri menyatakan keperluan mereka. Ini selaras dengan dapatan yang menunjukkan masih ramai guru

pendidikan khas yang hanya menjalankan program kemahiran atau Program Transisi Kerjaya tanpa mengetahui keperluan industri.

Secara umum, kajian mendapati kebanyakan guru pendidikan khas sedar tentang limitasi jurang pengetahuan mereka di antara pengetahuan teori dan latihan amali, mereka berazam untuk mendapatkan lebih banyak latihan dalam membantu program transisi MBK (Lee-Tarver, 2004). Lubbers, Repetto & McGorray (2008) dalam kajiannya mendapati latihan kemahiran yang guru dijalankan secara bersama adalah lebih berkesan berbanding pengenalan konsep yang dibuat secara terpisah.

Fokus utama Program Transisi Kerjaya di sekolah adalah untuk meluaskan akses yang menjurus kepada pendidikan vokasional yang berkualiti yang mampu mengembangkan bakat MBK ke arah lebih kreatif dan inovatif yang juga membantu mempercepatkan proses melahirkan tenaga kerja mahir yang mempunyai nilai insaniah, kebolehpasaran dan kemahiran yang mencapai standard dunia (Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020, 2011).

Sesuatu Program Tansisi Kerjaya yang berjaya memerlukan kesinambungan dua penggerak utama iaitu pihak sekolah dan industri. Kedua-dua pihak ini haruslah saling berkerjasama dan mengadakan kolaborasi. Dalam kolaborasi, setiap pihak perlu memainkan peranan dalam mencadang, membuat keputusan dan bersama dalam melaksanakan peranan masing-masing.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, A. Z., Alias A. & Yamat, H. (2017). *Isu Peluang Pekerjaan Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia*. Proceedings International Conference on Special Education for Southeast Asia Region. 7th Series 2017. Universitas Negeri Malang.
- Abdullah, N. & Mohd Yasin, M. H. (2014). *Keperluan Pelaksanaan Program Mata Pelajaran Vokasional Khas (MPV-Khas) Murid Bermasalah Pembelajaran ke Arah Persediaan Kerjaya*. Seminar International Pascasiswazah Pendidikan Khas UKM-UPI. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1 - 7.
- Alias, A. (2013). *The issues in implementing transition program for special needs students*. Asian Social Science, 9(16), 9-14.
- Alias, A. (2014). *Transition Program: The Challenges Faced by Special Needs Students in Gaining Work Experience*. International Education Studies, 7(13).
- Alnahdi, G. (2014). *Special Education Teacher Transition-Related Competencies and Preparation in Saudi Arabia*. International Journal on Special Education. Vol. 29, No. 2.
- Bari, S., Mohd Yasin, M. H. & Yusuf, M. M. (2013). *School-to-Work for Hearing Impaired Students*. International Journal of Education and Research. 1(23), 1 – 12
- Curry V. E., & Jones R. (2014). *Implementing Transition Activities: How Competent Do Special Education Teachers Feel?* Delta Journal of Education. Delta State University. 4 (1).
- Daros, M. M., Nordin, M.S., & Saud, M.S. (2012). *Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah Ke Kerjaya*. Journal Of Social Science. 5(1), 42 – 46.
- Educational Data Sector. (2016). *Malaysia Educational Statistics. Quick Facts 2016*. Ministry of Education Malaysia. 24-25
- Friend, M. & Cook, L. (2010). *Interactions: Collaboration skills for school professionals* (6th ed.). Columbus, OH: Merrill.
- Hendricks, D. (2009). *Employment and Adults with Autism Spectrum Disorders: Challenges and Strategies for Success*. Journal Vocational Rehabilitation. 32, 125 – 134.
- Heslop, P., Mallett, R. Simons, K. & Ward, L. (2002). *Bridging the Divide at Transition. What Happens for Young People with Learning Difficulties and Families?* Kidderminster: British Institute of Learning Disabilities.
- Individuals with Disabilities Education Improvement Act of 2004. (2004), Pub. L. No. 108-446, 118 Stat. 2647.
- Jones, B.A. & Williams, K.L. (2011). *Perceptions of Vocational Training With Elementary Special Education Students: A Case Study*. International Journal of Special Education. 26(1), 125 – 134.
- Yaeda, J. & Jindal-Snape, D. (2011). *Post-school Transitions of Students with Disabilities: The Japanese Experience*. International Journal of Humanities and Social Science. Vol. 1, No. 17 [Special Issue – November 2011].
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2016. *Teks Ucapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Program Pelancaran Agrobakti: Pembiayaan Khas untuk Usahawan Mikro Orang Kurang Upaya*

- (OKU). Dicapai pada 19 Mei 2016 daripada <http://www.kpwkm.gov.my>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. Warta Kerjaan Persekutuan P.U. (A) 230
- Lee-Tarver, A. (2004). *A survey of teachers' perceptions of the function and purpose of student support teams*. *Education*, 126, 525-535.
- Zhang, L. (2015). *Are Our Special Education Students Ready for Work? An Investigation of the Teaching of Job-Related Social Skills in Northern Taiwan*. *International Journal of Disability Development and Education*.
- Lubbers, J. H., Repetto, J. B., & McGorray, S. P. (2008). *Perceptions of transition barriers, practices, and solutions in Florida*. *Remedial and Special Education*, 29, 280-292.
- Mohd Yusof, M., Mohd Yasin, M. H., Bari, S., Mohd Zain, W. S. Z., Karli S. & Hassan, N. (2014). *Program Transisi Pelajar Bermasalah Pendengaran: Kajian Kes di Program Vokasional Pendidikan Khas*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.
- Migliore, A. & Domin, D. (2011). *Setting Higher Employment Expectation for Youth with Intellectual Disabilities*. University of Massachusetts Boston.
- Mohd Nassir, S. N. I. (2015). *Pelaksanaan Program Transisi Bagi Mempersiapkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP) Ke Alam Kerjaya*. Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015
- Nasri, M. S., Hamzah. R. & Udin, A. (2010). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Peranan Pendidikan Teknik Vokasional dan Pendidikan Khas*. (versi elektronik) <http://eprints.utm.my>
- Ofoegbu, N., & Azarmsa, R. (2010). *Impact of the special education vocational education program (VEP) on student career success*. *International Journal of Special Education*, 25(2), 34-46.
- Pandey, S. & Agarwal, S. (2013). *Transition to Adulthood for Youth with Disabilities: Issues for the Disabled Children and Family*. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*. Volume 17, Issue 3, 41-45.
- Simches, R. (1975). *Economic Inflation: Hazard for the Handicapped*. *Exceptional Children*. 41 :229-242.
- Surat Pekeliling Ikhtisas. (2016). *Perlaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat Mulai tahun 2017*. 2 November 2016. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Sorrells, M., Schaller, A., Kueifen, J., Nancy, Y. (2004). *Teacher Efficacy Ratings by African American and European American Preservice Teachers at a Historically Black University*. *Urban Education*, vol. 39, 5: pp. 509-536
- Wang, Y. & Mu, G. M. (2014). *Revisiting the trajectories of special teacher education in China through policy and practice*. *International Journal of Disability, Development and Education*, 61(4), 346-361.
- William-Diehm, K. L. & Lynch, P. S. (2007). *Student Knowledge and Perceptions of Individual Transition Planning and Its Process*. *The Journal For Vocational Special Needs Education*. 29(3), 13 – 21.
- Worrell, J. L. & Taber, M. (2009). *Special Education Practices in China and The United States: What is To Come Next?* *International Journal of Special Education*. 24(3), 132 – 142.
- Vanitha. C. & Ramaa. S. (2013). *Work Readiness Skills Among Students with Mild Mental Retardation*. *Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research*. Vol 1, No. 1.
- Yeo, G. (2006). *Curriculum in Ethnogeriatrics: Core Curriculum and Ethnic Specific Modules*. Collaborative on Ethnogeriatric Education.